

Journal of Islamic Educational Research (JIER)
e-ISSN: 0128-2069

Masalah Psikososial Pelajar Sekolah Menengah: Kajian Kes Faktor penyumbang dan Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Menyokong Kesejahteraan Emosi dan Spiritual

Psychosocial Issues Among Secondary School Students: A Case Study on Contributing Factors and the Role of Islamic Education Teachers in Supporting Emotional and Spiritual Well-Being

Chairul Azlan Mohd Johari*, Syamimi Nabilah Batia**, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim***, Hanin Salahuddin****, Husna Fariyah Abdul Rahman***** & Nuraliah Zatul Akmal A Ramsyah*****

Article Information	ABSTRACT
<i>Received:</i> 17.03.2026	<i>Masalah psikososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah semakin membimbangkan apabila data semasa menunjukkan peningkatan gejala seperti tekanan emosi, kemurungan, kebimbangan, ponteng sekolah, salah laku tingkah laku dan kecenderungan mencederakan diri. Isu ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk tekanan akademik, pengaruh media sosial, masalah keluarga, kekangan ekonomi dan persekitaran sekolah yang kompleks. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti bentuk masalah psikososial yang dialami oleh pelajar, meneliti faktor penyumbangnya serta menganalisis peranan guru Pendidikan Islam (GPI) dalam menangani isu ini di peringkat sekolah menengah. Reka bentuk kajian adalah kualitatif kajian kes melibatkan temu bual separa berstruktur bersama seorang Guru Pendidikan Islam dan seorang kaunselor di salah sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik disokong dengan triangulasi data dan semakan penyelidik bagi meningkatkan ketepatan dapatan. Dapatan kajian menunjukkan tiga bentuk utama masalah psikososial iaitu (i) masalah disiplin dan tingkah laku seperti ponteng sekolah dan tidur semasa kelas, (ii) masalah pengurusan emosi termasuk idea mencederakan diri dan salah faham terhadap mekanisme daya tindak serta (iii) masalah berasaskan konflik keluarga. Faktor penyumbang yang dikenal pasti merangkumi geografi bandar yang terdedah kepada risiko sosial, motivasi akademik rendah, kekangan ekonomi, masalah keluarga dan pengaruh media sosial. Kajian turut mendapati GPI memainkan peranan signifikan dalam menyokong kesejahteraan emosi dan spiritual pelajar melalui amalan nilai-nilai agama di sekolah. Justeru, artikel ini mencadangkan pelaksanaan latihan profesional berasaskan psikologi Islam dan kemahiran komunikasi guru diperkasakan bagi meningkatkan keupayaan GPI dalam menangani masalah psikososial secara holistik dan berkesan.</i>
<i>Accepted:</i> 05.06.2026	
	Kata Kunci: <i>Masalah psikososial, kajian kes, sokongan psikososial, guru pendidikan Islam, sekolah menengah kebangsaan</i>
	<p>Psychosocial problems among secondary school students are increasingly alarming, with current data indicating a rise in emotional distress, depression, anxiety, truancy, behavioral misconduct, and self-harm tendencies. These issues are exacerbated by academic pressure, social media influence, family conflicts, economic constraints, and complex school environments. Consequently, this study aims to identify the forms of psychosocial problems experienced by students, examine their contributing factors, and analyze the role of Islamic Education Teachers (GPI) in addressing these issues at the secondary level. Employing a qualitative case study design, data were collected through semi-structured interviews with a GPI and a school counselor at a National Secondary School (SMK). The data were evaluated using thematic analysis, supported by triangulation and researcher checking to ensure academic rigor. Findings revealed three primary forms of psychosocial problems: (i) disciplinary and behavioral issues, such as truancy and sleeping in class; (ii) emotional management challenges, including self-harm ideation and maladaptive coping mechanisms; and (iii) family conflict-based issues. Contributing factors encompass urban environments prone to social risks, low academic motivation, economic hardship, family dysfunction, and social media influence. Furthermore,</p>

* ** * ** * ** * Bachelor's Candidate at the Department of Islamic History, Civilization and Education, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

*** Associate Professor at the Department of Islamic History, Civilization and Education, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: tgsarina@um.edu.my. ORCID: 0000-0003-4382-9428 (Corresponding Author)

the study highlights the significant role of GPIs in fostering students' emotional and spiritual well-being through the integration of religious values. Thus, this article recommends empowering GPIs through professional training grounded in Islamic psychology and advanced communication skills to holistically and effectively manage student psychosocial problems.

Keywords: *Psychosocial problems; case study; psychosocial support; Islamic education teachers; national secondary school.*

Maklumat Sitasi: Mohd Johari, C. A., Batia, S. N., Tengku Kasim, T. S. A., Salahuddin, H., Abdul Rahman, H. F., & A Ramsyah, N. Z. A. (2026). Masalah psikososial pelajar sekolah menengah: Kajian kes faktor penyumbang dan peranan guru Pendidikan Islam dalam menyokong kesejahteraan emosi dan spiritual. *Journal of Islamic Educational Research*, 12(1), 26-43.

1. PENGENALAN

Masalah kesihatan mental dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia menunjukkan peningkatan yang membimbangkan. Berdasarkan Tinjauan Kesihatan Remaja (AHS) yang dijalankan oleh Institut Kesihatan Umum, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terhadap 33,523 pelajar berumur 13 hingga 17 tahun pada tahun 2022, dapatan menunjukkan peningkatan dalam beberapa indikator utama kesihatan mental berbanding tahun 2017. Sebanyak 13.1% pelajar dilaporkan mempunyai idea untuk membunuh diri berbanding 10% pada tahun 2017, manakala 10% merancang untuk membunuh diri berbanding 7.3% sebelumnya dan 9.5% pernah mencuba membunuh diri berbanding 6.9%. Selain itu, prevalens kemurungan turut meningkat kepada 26.9% berbanding 18.3% pada tahun 2017, sementara perasaan sunyi dicatatkan sebanyak 16.2% berbanding 9.3% sebelumnya. Statistik ini menggambarkan trend peningkatan yang signifikan dalam isu kesihatan mental dalam kalangan remaja sekolah dan menuntut perhatian serta intervensi yang lebih menyeluruh daripada pelbagai pihak.

Ini menggambarkan peningkatan dramatik masalah psikososial yang serius dalam kalangan pelajar sekolah menengah yang memerlukan tindakan segera. Gejala awal yang dapat dikenal pasti termasuk kemurungan, kebimbangan, sedih yang berkekalan, kecenderungan menarik diri sosial, perubahan tingkah laku seperti marah, kehilangan minat, dan gangguan tumpuan dalam pembelajaran. Punca masalah ini adalah multifaktorial yang meliputi tekanan akademik, penggunaan media sosial yang tidak terkawal, masalah keluarga, tekanan rakan sebaya dan harapan tinggi ibu bapa terhadap pencapaian akademik anak (MKN, 2023).

Penetapan sempadan antara konsep masalah psikososial dengan konsep masalah akhlak konvensional dalam kalangan pelajar perlu dijelaskan untuk mengelakkan kekeliruan definisi. Kajian ini memberikan tumpuan kepada masalah psikososial iaitu khusus kepada masalah gangguan emosi dalaman seperti kemurungan, kebimbangan, stres dan kesunyian yang melampau sehingga menjejaskan kesejahteraan mental pelajar. Skop ini berbeza daripada masalah akhlak konvensional atau salah laku disiplin luaran seperti vandalisme, gejala ponteng sekolah dan kes penyalahgunaan dadah yang dipicu oleh pengaruh rakan sebaya (Nor Hasimah Ismail et al., 2022). Penegasan perbezaan ini sangat kritikal kerana gejala psikososial ini bersifat dalaman, terselubung dan tidak mudah dikesan oleh ibu bapa atau guru berbanding dengan salah laku disiplin luaran hingga menyebabkan isu emosi pelajar ini mudah diabaikan (Latiffah Abdul Latiff et al., 2017). Pelajar yang mengalami gangguan psikososial bukanlah bermakna mereka mengalami keruntuhan moral atau kecenderungan terhadap jenayah sosial tetapi mereka adalah kelompok yang terbeban dengan kerapuhan daya tindak (coping) akibat tekanan persekitaran yang akhirnya boleh menjejaskan prestasi akademik serta mengancam masa depan mereka. Oleh yang demikian, pendekatan intervensi yang diambil tidak seharusnya berbentuk hukuman disiplin atau punitif sebaliknya memerlukan pendekatan yang bersifat terapeutik untuk merawat aspek *al-Qalb* (hati) pelajar.

Dalam konteks Pendidikan Islam, guru bukan sahaja berperanan sebagai pendidik akademik tetapi juga bertanggungjawab membentuk moral dan emosi pelajar. Adesina dan Hussien (2018) mendapati guru Pendidikan Islam boleh mempengaruhi pembangunan moral pelajar secara holistik tetapi mereka juga menghadapi cabaran dari pengaruh rakan dan kurangnya sokongan keluarga atau media dalam menangani isu moral (Muhammed-Lawal & Hussien, 2018). Justeru, peranan GPI di sekolah amat signifikan dalam membimbing dan membentuk daya tahan emosi pelajar selari dengan tanggungjawab GPI sebagai *muaddib* (pendidik jiwa) dan *mursyid* (pembimbing). Bagi mendepani realiti krisis psikososial masa kini, peranan GPI menuntut anjakan yang melangkaui sempadan bilik darjah. GPI perlu bertindak sebagai sistem sokongan barisan hadapan dengan menyediakan persekitaran yang selamat untuk luahan emosi pelajar. Selain itu, GPI turut berfungsi sebagai agen pengesan awal terhadap sebarang perubahan tingkah laku, di samping mengaplikasikan elemen daya tindak spiritual (*spiritual coping*) seperti konsep sabar, reda, dan tawakal kepada Allah SWT. Tambahan pula, GPI berpotensi menawarkan intervensi alternatif melalui terapi al-Quran dan *Tazkiyah al-Nafs* (penyucian jiwa) bagi merawat kekosongan jiwa pelajar yang dihimpit kemurungan atau kesunyian. Hal ini dipersetujui oleh Hasan (2023) yang menegaskan bahawa pendekatan kaunseling Islam yang menggabungkan elemen spiritual dan psikologi telah disarankan sebagai saluran intervensi efektif terhadap gangguan psikososial pelajar. Oleh hal yang demikian, kajian ini penting bagi menganalisis masalah psikososial pelajar yang biasa di hadapi serta meneroka secara spesifik peranan praktikal Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam mengatasinya khususnya di sekolah menengah dan cabaran yang dihadapi oleh GPI dalam menyokong kesejahteraan emosi dan spiritual pelajar di sekolah menengah kebangsaan.

Kajian ini dijalankan bagi menjawab beberapa persoalan utama, iaitu mengenal pasti bentuk masalah psikososial yang dialami oleh pelajar sekolah menengah, meneliti faktor-faktor yang menyumbang kepada berlakunya masalah psikososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah, serta menganalisis peranan Guru Pendidikan Islam dalam menangani masalah psikososial yang dihadapi oleh pelajar di sekolah. Persoalan-persoalan ini dirangka bagi memperoleh pemahaman yang menyeluruh tentang isu psikososial pelajar dan seterusnya mengenal pasti bentuk intervensi serta sokongan yang sesuai dalam konteks pendidikan sekolah menengah.

2. KAJIAN LITERATUR

Masalah psikososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah semakin mendapat perhatian dalam bidang pendidikan dan psikologi kerana ia memberi kesan langsung terhadap prestasi akademik, perkembangan emosi serta kesejahteraan umum pelajar. Berdasarkan beberapa kajian lepas, isu ini melibatkan pelbagai dimensi seperti tekanan emosi, sokongan sosial yang rendah serta hubungan kekeluargaan yang lemah. Kajian oleh Latiff et al. (2017) yang dijalankan di Pasir Gudang, Johor mendapati hampir separuh daripada pelajar sekolah menengah mengalami simptom kemurungan (46%), kebimbangan (59.1%) dan tekanan (38.1%). Kajian ini juga menunjukkan 45.6% pelajar menghadapi masalah psikososial yang merangkumi masalah dalaman dan luaran. Faktor seperti umur, jantina dan keterikatan ibu bapa dikenal pasti sebagai penyumbang utama kepada masalah tersebut. Sementara itu, kajian oleh Bhattarai et al. (2020) di Nepal pula melaporkan bahawa 44.2% pelajar mengalami kemurungan, termasuk 18.9% dengan tahap kemurungan yang tinggi. Pelajar yang mempunyai sokongan sosial yang rendah, harga diri yang lemah dan kurang berkongsi masalah dengan orang lain didapati berisiko tinggi untuk mengalami kemurungan. Hal ini menekankan pentingnya aspek psikososial seperti harga diri dan komunikasi dalam menangani kesihatan mental pelajar.

Sarfo et al. (2024) dalam kajian mereka mengenai tingkah laku buli fizikal dalam kalangan remaja di Saint Vincent and the Grenadines mendapati bahawa buli di sekolah berlaku pada kadar yang tinggi dan dikaitkan dengan faktor seperti serangan fizikal, buli siber dan pemikiran bunuh diri. Keadaan ini mencerminkan tekanan psikososial yang serius dalam kalangan pelajar. Begitu juga, Jovčić dan Simić (2024) menyatakan bahawa sindrom keletihan sekolah (school burnout) dalam kalangan pelajar menengah berpunca daripada kehilangan makna, tekanan emosi dan kurangnya sokongan keluarga dan guru. Pelajar merasa bersalah dan mengalami kesihatan fizikal yang terjejas akibat tekanan berterusan. Ini menunjukkan bahawa aspek emosi dan hubungan sosial memainkan peranan utama dalam pembentukan masalah psikososial dalam kalangan remaja.

Masalah psikososial biasanya timbul akibat gabungan faktor individu dan persekitaran. Kajian oleh Mestre-Bach et al. (2025) mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara simptom gangguan penggunaan Internet dan kesunyian. Pelajar yang ketagihan Internet berasa lebih sunyi dan sebaliknya. Kesunyian juga mendorong penggunaan Internet secara berlebihan. Kajian ini menekankan kepentingan interaksi sosial yang sihat dalam mengelakkan masalah psikososial. Dalam pada itu, kajian sistematik oleh Lu et al. (2024) menganalisis 109 kajian merentasi sedekad dan mendapati bahawa kelaziman penggunaan telefon pintar yang bermasalah (problematic smartphone use, PSU) semakin meningkat di semua kumpulan umur dan semakin ketara dalam kalangan lelaki. Faktor seperti perbezaan jantina, usia dan lokasi geografi turut memainkan peranan dalam menentukan tahap keterlibatan pelajar dalam penggunaan teknologi secara tidak sihat.

Tambahan pula, Shrestha et al. (2023) dalam kajian mereka di Nepal mendapati bahawa tekanan pelajar yang tinggal di asrama berpunca daripada disiplin ketat, pengasingan sosial dan kurang sokongan rakan. Faktor persekitaran seperti hubungan rakan sebaya dan guru memainkan peranan besar dalam pembentukan tekanan psikososial pelajar. Seterusnya, masalah psikososial dalam kalangan remaja sering kali berakar daripada tekanan akademik, hubungan interpersonal yang tidak stabil dan kekurangan sokongan emosi. Kajian oleh Polak dan Grossman (2024) meneliti hubungan antara masalah pembelajaran spesifik (SLD) dengan tekanan psikologi mendapati bahawa kesukaran dalam membaca dan menulis merupakan penyumbang utama kepada tekanan psikologi dalam kalangan pelajar. Malah, wanita dan pelajar muda didapati lebih terkesan berbanding kumpulan lain.

Dalam pada itu, dapatan Latiff et al. (2017) menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti pekerjaan bapa, keterikatan emosi dengan ibu bapa dan umur pelajar berkait rapat dengan tahap tekanan, kebimbangan dan kemurungan. Ini menunjukkan bahawa masalah psikososial tidak hanya berpunca daripada pelajar itu sendiri tetapi turut dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan kekeluargaan. Kajian oleh Nkuba et al. (2019) yang dijalankan di Tanzania mengesahkan bahawa penderaan emosi dan fizikal sama ada oleh ibu bapa mahupun guru mempunyai kaitan yang signifikan dengan tingkah laku devian sosial pelajar seperti agresif dan pelanggaran peraturan. Kajian ini menggunakan laporan pelajar dan ibu bapa untuk menunjukkan bahawa keganasan emosi oleh guru dan pengabaian oleh ibu bapa menyumbang kepada tingkah laku delinkuen dan bermasalah. Walaupun kajian ini dijalankan di Sub-Sahara Afrika, ia mencerminkan isu sejagat yang turut relevan dengan konteks sekolah di Malaysia.

Tambahan pula, aspek kesihatan mental pelajar yang berkait rapat dengan perasaan terasing dan motivasi juga telah dibincangkan oleh Ismail et al. (2022) dalam konteks ketagihan permainan video khususnya permainan mudah alih. Kajian ini menunjukkan bahawa kesunyian dan perbezaan personaliti (seperti tahap neurotisme dan ekstroversi) meningkatkan kecenderungan pelajar terhadap ketagihan permainan video yang merupakan salah satu manifestasi masalah psikososial. Ini menunjukkan bahawa

pelajar yang tidak mempunyai sokongan sosial yang mencukupi atau menghadapi tekanan psikologi cenderung mencari jalan keluar melalui dunia maya yang pada akhirnya boleh memburukkan lagi kesihatan mental mereka.


Walaupun tiada kajian yang secara langsung mengkaji peranan guru Pendidikan Islam dalam artikel-artikel yang dikaji, peranan guru dalam menyokong kesejahteraan mental pelajar dapat dikaitkan melalui beberapa dapatan. Bhattarai et al. (2020) menekankan kepentingan mewujudkan sistem sokongan emosi dan sosial dalam kalangan pelajar yang boleh direalisasikan oleh guru melalui pendekatan bimbingan dan kaunseling informal. Guru Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam membimbing pelajar dari sudut spiritual dan moral yang dapat membantu mereka mengurus tekanan hidup serta membina kekuatan dalaman (resilience). Menurut Al-Qabisi, guru tidak hanya menekankan aspek pengetahuan semata malah mementingkan penerapan nilai-nilai moral yang baik dalam diri pelajar. AlGhazali berpendapat proses pendidikan perlu bermula dengan pembersihan jiwa iaitu tazkiyah al-nafs yang bererti membersihkan jiwa dari sifat-sifat buruk dan memperkaya jiwa dengan sifat-sifat mulia serta tahzib al-akhlaq (Kasori Mujahid & Farid Al Fani, 2025).

Peranan guru Pendidikan Islam (GPI) dalam membina sahsiah pelajar turut ditekankan oleh Tengku Sarina Aini et al. (2021), yang mendapati bahawa penggunaan pendekatan pembelajaran kontekstual berkesan dalam membangunkan perwatakan dan personaliti pelajar. Menurut kajian tersebut, apabila guru mengintegrasikan nilai spiritual-moral dengan realiti kehidupan harian pelajar ia secara tidak langsung mewujudkan harmoni dalaman yang menjadi asas kepada kestabilan emosi dan kesihatan mental. Oleh itu, keberkesanan GPI dalam menangani isu psikososial bukan sahaja bergantung kepada bimbingan spiritual semata-mata, malah berkait rapat dengan keupayaan mereka menggunakan pedagogi yang menyentuh dimensi keimanan dan tingkah laku pelajar secara praktikal.

Dalam konteks Malaysia, guru Pendidikan Islam sering menjadi tempat rujukan pelajar dalam menangani isu-isu moral dan emosi. Kajian oleh Latiff et al. (2017) menunjukkan implikasi intervensi berfokuskan hubungan kekeluargaan dan sokongan interpersonal boleh dijalankan melalui pendekatan agama dan nilai-nilai Islam. Maka, guru Pendidikan Islam perlu diberi latihan dan sokongan profesional agar dapat mengintegrasikan kemahiran bimbingan dengan pengajaran mereka dalam menangani masalah psikososial pelajar. Intervensi kemahiran hidup mampu mengurangkan tahap tekanan, kebimbangan dan kemurungan dalam kalangan pelajar (Sherif et al., 2023). Modul kemahiran hidup boleh dilaksanakan oleh guru Pendidikan Islam untuk memperkukuh ketahanan mental pelajar berdasarkan ajaran Islam seperti sabar, syukur dan tawakal. Guru juga boleh bertindak sebagai orang tengah antara pelajar dan sistem sokongan lain seperti kaunselor atau ibu bapa untuk memastikan pelajar mendapat bantuan yang sesuai.

Bukan itu sahaja, kajian lepas menunjukkan bahawa hubungan yang menyokong daripada guru adalah faktor pelindung yang penting dalam menangani tekanan pelajar (Jovčić & Simić, 2024). Maka, guru Pendidikan Islam bukan sahaja sebagai pengajar tetapi juga pendidik yang berperanan membentuk sahsiah dan emosi pelajar. Selain itu, rujukan daripada Handbook of Crime Correlates (Ellis et al., 2019) memberikan latar belakang menyeluruh tentang kaitan antara faktor individu dan sosial dengan perilaku antisosial serta jenayah. Antara pemboleh ubah yang dikaitkan secara signifikan dengan tingkah laku menyimpang termasuk latar belakang keluarga, pencapaian akademik, penggunaan bahan terlarang serta tekanan sosial. Dalam konteks pendidikan Islam, pengetahuan tentang faktor-faktor ini amat penting untuk guru dalam melaksanakan intervensi secara bersepadu sama ada melalui pengajaran nilai, nasihat mahupun bimbingan rohani.

Kesemua kajian terdahulu menunjukkan bahawa masalah psikososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah adalah isu yang serius dan kompleks dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti umur, jantina, tekanan akademik, buli, hubungan kekeluargaan dan sokongan sosial. Walaupun tidak banyak kajian yang mengkaji secara langsung peranan guru Pendidikan Islam, potensi guru dalam memainkan peranan penting sebagai pembimbing emosi dan spiritual pelajar amat diperlukan dalam membantu pelajar yang mempunyai masalah psikososial. Integrasi pendekatan nilai Islamik dalam intervensi psikososial diyakini mampu meningkatkan kesejahteraan mental pelajar serta membina persekitaran pembelajaran yang lebih sihat dan selamat. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka dengan lebih mendalam bagaimana guru Pendidikan Islam dapat menyumbang kepada usaha menangani masalah psikososial pelajar secara lebih sistematik dan berkesan di sekolah menengah.



Rajah 1 : Kerangka Hubungkait Faktor, Masalah Psikososial dan Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Menangani Masalah Psikososial Pelajar

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang memberi tumpuan kepada pemahaman mendalam terhadap pengalaman dan perspektif informan. Kajian kualitatif dibezakan daripada kuantitatif kerana ia membolehkan penyiasatan dalam konteks semula jadi untuk memahami bagaimana dan mengapa pengalaman tertentu berlaku (Saunders et al., 2023). Data dikumpul melalui temu bual separa berstruktur dengan dua informan iaitu seorang guru Pendidikan Islam dan seorang kaunselor. Temu bual separa berstruktur membenarkan fleksibiliti dalam menelusuri tema utama sambil mengekalkan panduan soalan yang konsisten untuk setiap peserta (Braun & Clarke, 2006). Setiap sesi temu bual dirakam dan ditranskripsikan secara verbatim. Proses transkripsi ini bukan sahaja bertujuan untuk dokumentasi tepat, malah merupakan langkah penting dalam fasa data kebiasaan bagi tema analisis (Braun & Clarke, 2006).

Data dianalisis menggunakan analisis tema berdasarkan kerangka enam fasa daripada Braun dan Clarke (2006) iaitu (1) kebiasaan, (2) penjana kod awal, (3) pencarian tema, (4) semakan tema, (5) definisi dan penamaan tema serta (6) pelaporan akhir. Analisis dibuat secara manual melalui bacaan berulang, penandaan kod dan perpaduan tema-tema utama supaya hasilnya disusun secara naratif dan menghubungkan data dengan soalan penyelidikan.

Untuk meningkatkan ketepatan dan kebolehpercayaan, kajian ini menggunakan triangulasi data iaitu pengumpulan dari dua sumber berbeza iaitu guru Pendidikan Islam dan kaunselor. Triangulasi jenis ini membolehkan penyelidik mengesahkan penemuan daripada dua perspektif yang berbeza dan mengurangkan bias. Triangulasi jenis metodologikal juga dilaksanakan melalui gabungan dua situasi temu bual berasingan (Saunders et al., 2023). Bagi memastikan kejitian data, analisis ini menerapkan kaedah triangulasi penyelidik iaitu pengekodan tema disemak dan dibincangkan secara bersama dalam kalangan penyelidik. Kaedah ini membantu mengurangkan bias individu dan meningkatkan kebolehpercayaan interpretasi data.

Secara keseluruhannya, pendekatan kualitatif yang menggunakan temu bual separa berstruktur kemudian disusuli analisis tematik serta diperkukuh melalui triangulasi menyediakan asas yang kukuh untuk memperoleh pemahaman mendalam mengenai perspektif guru Pendidikan Islam dan kaunselor. Tambahan pula, penggunaan kaedah manual dan semakan silang sesama penyelidik turut meneguhkan ketepatan serta ketelusan proses analisis tersebut.

4. DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan transkrip verbatim temu bual dan analisis tematik, dapatan kajian menunjukkan kewujudan pelbagai bentuk masalah psikososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah khususnya melibatkan aspek disiplin tingkah laku, pengurusan emosi dan masalah keluarga. Kajian ini turut mendapati bahawa masalah psikososial tersebut dipengaruhi oleh faktor dalaman dan luaran termasuk kekangan sosioekonomi, persekitaran geografi bandar, pengaruh rakan sebaya serta penggunaan media sosial yang tidak terkawal. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan peranan signifikan Guru Pendidikan Islam dan Guru Kaunseling dalam menangani masalah psikososial pelajar melalui pendekatan berhikmah, penyaluran kepada saluran sokongan yang sesuai, pembudayaan nilai-nilai agama serta pelaksanaan program intervensi kesihatan mental secara sistematik. Jadual 1 menunjukkan ringkasan tema utama dan subtema yang diperolehi hasil analisis tematik terhadap data temu bual yang dijalankan bersama informan kajian :

Jadual 1 : Tema dan Subtema Kajian

Kategori	Tema Utama	Subtema
Masalah psikososial	Masalah disiplin tingkah laku	Ponteng sekolah Tidur semasa kelas
	Masalah pengurusan emosi	Idea memudaratkan diri Salah faham "Coping Mechanism"
	Masalah Keluarga Sebagai Punca	Konflik keluarga
Faktor masalah psikososial	Geografi	Pengaruh persekitaran bandar
	Hilang minat utama	Tiada matlamat akademik
	Kekangan ekonomi	Bekerja sambil
	Masalah keluarga	Kurang perhatian ibu bapa
Peranan Guru Pendidikan Islam dan Guru Kaunseling	Pengaruh media sosial	Trend "self-harm"
	Pendekatan berhikmah	Komunikasi santai
	Rujukan ke saluran yang sesuai	Pihak kaunselor dan disiplin
	Pembudayaan nilai agama	Bacaan Surah Yassin dan Al-Kahfi
	Program Minda Sihat	PHQ-9 dan GAD-7

4.1. Bentuk Masalah Psikososial dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah

Masalah psikososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah semakin menjadi kebimbangan dalam sistem pendidikan Malaysia dan antarabangsa. Istilah "psikososial" merujuk kepada kesan interaksi antara faktor psikologi dan sosial yang mempengaruhi perkembangan dan kesejahteraan individu. Dalam kalangan pelajar sekolah menengah, masalah psikososial selalunya berkait rapat dengan tingkah laku yang tidak sesuai, kesukaran mengurus emosi, tekanan persekitaran dan pengaruh rakan sebaya yang negatif (Yahaya et al., 2017). Masalah ini bukan sahaja menjejaskan pencapaian akademik tetapi juga perkembangan emosi dan sosial pelajar. Menurut kajian oleh Ibrahim et al. (2014), pelajar yang mengalami gangguan psikososial cenderung mempunyai prestasi akademik yang lebih rendah, mengalami kesukaran membentuk perhubungan sosial yang sihat dan terdedah kepada tingkah laku berisiko seperti ponteng sekolah, keganasan, penyalahgunaan bahan dan cubaan mencederakan diri sendiri. Berdasarkan dapatan kajian kes yang dijalankan, terdapat dua kategori masalah psikososial dalam kalangan pelajar iaitu masalah disiplin dan tingkah laku serta masalah pengurusan emosi.

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, masalah disiplin pelajar termasuk ponteng, pertengkaran dengan guru dan tingkah laku agresif merupakan cabaran utama yang menjejaskan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Laporan itu juga menekankan kepentingan keluarga yang stabil dan sokongan sosial yang kuat dalam membantu pelajar mengatasi tekanan psikososial. Dalam kajian Ibrahim et al. (2014) juga menjelaskan bahawa masalah psikososial yang tidak dirawat boleh menyebabkan gangguan mental seperti kemurungan dan kecenderungan untuk membunuh diri. Pelajar yang tidak mempunyai akses kepada sokongan psikologi yang berkesan berisiko tinggi untuk terlibat dalam tingkah laku negatif untuk melarikan diri daripada tekanan yang mereka alami.

4.1.1. Masalah disiplin tingkah laku

a. Ponteng Sekolah

Ponteng sekolah merupakan salah satu tingkah laku bermasalah yang secara langsung memberi kesan kepada kejayaan akademik pelajar. Mengikut dapatan, pelajar yang ponteng pada umumnya didorong oleh keinginan untuk bekerja dan mencari rezeki di

mana ia merupakan satu trend yang mempengaruhi remaja masa kini terutamanya pelajar yang datang daripada latar belakang keluarga yang berpendapatan rendah.

“...ia menjadi sebagai satu trend bila budak sekarang semua perlu ada duit sendiri... Maksudnya daripada situ kita dapat dilibat yang dipengaruhi oleh satu trend secara tidak langsung dapat memberikan kesan kepada pembelajaran mereka.” [GPI]

Kajian oleh Azizi Yahaya et al. (2015) mendedahkan bahawa kekerapan ponteng sekolah dalam kalangan remaja merupakan indikator awal kepada risiko keciciran akademik yang serius. Kegagalan pelajar untuk hadir secara konsisten bukan sahaja menghalang penguasaan kurikulum malah mendedahkan mereka kepada persekitaran sosial yang negatif seperti penyalahgunaan bahan dan jenayah juvenil. Kajian ini mendapati bahawa faktor tekanan sosioekonomi dan pengaruh rakan sebaya memberikan sumbangan signifikan dalam mendorong tingkah laku tersebut sekaligus memerlukan intervensi bersepadu menerusi sokongan psikologi dan pengukuhan peranan ibu bapa.

b. Tidur Semasa Kelas

Seterusnya, tidur semasa belajar sering dikaitkan dengan kurang minat, keletihan akibat beban kerja atau kurang tidur kerana faktor luaran.

“... kesan negatif dia aaa dia tak datang sekolah dia ponteng. Kalau dia datang sekolah pun dia akan tidur.” [Kaunselor]

Kenyataan daripada informan selaras dengan kajian oleh Jalil et al. (2015) salah satu sebab pelajar tidur sepanjang kelas ialah kekurangan masa rehat, penggunaan peranti elektronik yang berlebihan pada waktu malam dan tekanan peribadi yang tidak diurus dengan baik. Fenomena ini, yang dipanggil "kurang tidur," atau kurang tidur kronik menjejaskan keupayaan pelajar untuk menumpukan perhatian semasa sesi pembelajaran. Kajian itu juga menunjukkan bahawa penggunaan berlebihan peranti elektronik sebelum tidur mengganggu kitaran tidur semula jadi dan menjejaskan kualitinya. Cahaya biru dari skrin menghalang pengeluaran melatonin, hormon penting untuk mengawal kitaran tidur dan menghalang pelajar daripada tidur pada masa yang betul.

4.1.2. Masalah Pengurusan Emosi

a. Idea Memudaratkan Diri

Dalam kategori masalah pengurusan emosi, pelajar yang tidak dapat menguruskan emosi cenderung melakukan tindakan mencederakan diri sendiri seperti memotong tangan atau mempunyai pemikiran untuk membunuh diri.

“Selalu ja murid yang WhatsApp saya kan dia cakap, cikgu, saya nak bunuh diri. Saya rasa saya tak boleh. Saya rasa saya nak cekik diri saya malam ni.” [Kaunselor]

Kajian oleh Ibrahim et al. (2014) mendedahkan bahawa kecenderungan ke arah mencederakan diri dalam kalangan remaja selalunya berkait rapat dengan tahap tekanan yang tinggi, kekurangan sokongan sosial dan ketidakupayaan untuk menguruskan emosi dengan cara yang sihat. Tingkah laku ini sering dianggap sebagai mekanisme daya tindak untuk melarikan diri dari kesakitan emosi. Menurut American Psychiatric Association (APA) dalam Diagnostic and Statistical Manual (DSM-5), tingkah laku yang merosakkan diri adalah salah satu gejala gangguan psikososial yang memerlukan perhatian dan campur tangan segera (APA, 2013).

b. Salah Faham “Coping Mechanism”

Pelajar juga mempunyai salah faham terhadap ‘coping mechanism’ yang cenderung menggunakan kaedah yang kurang sihat untuk menangani tekanan seperti mencederakan diri yang dipengaruhi oleh media sosial dan rakan sebaya. Selari dengan kenyataan Nurhaiza Che Mat (2021) iaitu mencederakan diri sendiri atau lebih dikenali sebagai non-suicidal self-harm merupakan masalah yang sering berlaku dalam kalangan remaja masa kini. Informan kami menyatakan,

“Dia kata aaa kami... saya tanya kenapa awak buat? Ini lah cara saya menangi rasa yang tak best tu.” [Kaunselor]

Pengaruh media sosial yang menjadikan trend “barcode” atau self-harm dijadikan sebagai satu bentuk melepaskan kepuasan dalam kalangan remaja. Hal ini bertepatan dengan kajian Johari (2022) yang menyatakan mencakar diri dan mengelar tangan adalah antara kaedah paling biasa untuk mencederakan diri sendiri. Selain itu, pengaruh rakan sebaya juga merupakan faktor penting. Dalam persekitaran sosial pelajar, remaja cenderung untuk meniru tingkah laku kumpulan walaupun tingkah laku negatif. Pelajar mungkin terdorong untuk mencederakan diri sendiri apabila melihat rakan sebaya melakukan perkara yang sama sebagai tanda solidariti atau untuk menarik perhatian. Baetens et al. (2014) menyatakan beberapa faktor interpersonal seperti

tingkah laku ibu bapa, tingkah laku pasangan, pengaruh rakan sebaya dan masalah luaran seperti kemarahan yang tidak terkawal menyebabkan kemudaratan diri.

4.1.3. Masalah Keluarga Sebagai Punca

Masalah keluarga menjadi faktor dasar yang banyak menyumbang kepada masalah psikososial pelajar. Penyelidikan telah menunjukkan bahawa remaja yang kurang mendapat perlindungan dan perhatian ibu bapa lebih berkemungkinan terlibat dalam tingkah laku yang merosakkan diri sendiri. Beberapa kajian lain juga menunjukkan bahawa gaya keibubapaan autoritarian menyumbang kepada tingkah laku ini (Baetens et al., 2014). Sesuai dengan kenyataan informan,

“Sebenarnya kalau mungkin awak terkejut kut dalam sekolah.. berlaku tekanan di rumah, murid-murid ni dia akan lagi selesa berada di sekolah.” [GPI]

Keluarga yang menjadi institusi sosial yang berperanan besar dalam kehidupan seorang individu khususnya dalam perkembangan emosi, sikap dan pembentukan identiti. Masalah keluarga yang sering berlaku seperti konflik rumah tangga, pengabaian, keganasan domestik menjadi punca yang mendorong pelajar mengalami tekanan dan hilang fokus akademik. Menurut informan kami, status anak luar nikah yang berpunca dari ibu bapa yang tidak berkahwin menjadikan situasi pelajar itu mengalami tekanan di sekolah.

“...murid Cindian (Peranakan Cina dan India). Aaa dia merupakan anak luar nikah, mak dia Islam melayu tapi ayahnya Cindian. Tapi mak ayahnya tak berkahwin.” [Kaunselor]

Dalam kajian Yahaya et al. (2017) menunjukkan bahawa pelajar yang membesar tanpa ibu bapa atau daripada latar belakang keluarga yang kurang bernasib baik secara sosial sering mengalami gangguan psikologi seperti gangguan emosi dan kesukaran menyesuaikan diri dengan sekolah. Mereka juga berisiko diejek atau dibuli oleh rakan sebaya, seterusnya meningkatkan tekanan sosial mereka. Pelajar yang terlibat dalam situasi ini sering berasa malu, stigma sosial dan rasa tidak bernilai. Kekurangan sokongan ibu bapa menjadikan mereka lebih terdedah kepada tingkah laku mencari perhatian seperti mencederakan diri sendiri, ponteng sekolah atau penyalahgunaan bahan.

Hasil kajian kes menunjukkan masalah psikososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah adalah kompleks dan saling berkaitan. Masalah disiplin, pengurusan emosi dan konteks keluarga memainkan peranan penting dalam kesejahteraan psikososial pelajar. Kajian terdahulu secara konsisten mengesahkan bahawa faktor persekitaran sosial, keluarga dan pengaruh rakan sebaya mempunyai kesan besar terhadap perkembangan tingkah laku remaja.

4.2. Faktor Masalah Psikososial Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah

4.2.1. Faktor Geografi

Daripada hasil temubual, informan menyatakan bahawa faktor geografi antara faktor utama berlakunya masalah psikososial dalam kalangan pelajar. Hasil dapatan kajian ini mendapati, disebabkan kawasan persekitaran sekolah merupakan kawasan yang sangat strategik dan lokasinya berada di bandar.

“Dia wujud MRT panjang lah langkah diaorang. So maksudnya apa? Kedudukan diaorang dia ni yang mungkin diaorang jadi macam ni sebab aaa lokasi itu untuk mereka terdedah sangat luas sangat mudah.” [GPI]

Kenyataan daripada informan berkenaan faktor geografi yang bertepatan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Zakaria Stapa et.al (2012) di mana faktor persekitaran cenderung untuk mempengaruhi pelajar secara dalaman dan luaran mereka. Terdapat juga kajian yang menyokong kedudukan sekolah, suasana sekolah dan keadaan bilik darjah sangat memberi impak terhadap masalah tingkah laku pelajar di sekolah (Nosiah, 2014). Hal ini dapat dilihat bahawa kedudukan dan lokasi sekolah yang mudah untuk pelajar mengakses ke kawasan bandar yang seringkali menawarkan pelbagai aktiviti dan keseronokan kepada pelajar seperti pusat membeli belah, pusat permainan dan sebagainya. Bukan itu sahaja, disebabkan keadaan sekolah informan yang berdekatan dengan kemudahan pengangkutan seperti MRT mendorong pelajar untuk mengakses dengan mudah ke tempat-tempat yang menjadi tarikan kuat kepada pelajar. Hal ini dapat memberikan impak secara langsung terhadap tingkah laku sosial pelajar di sekolah lebih lagi dalam aspek psikososial pelajar.

Keadaan sekolah yang memudahkan pelajar untuk mengakses ke mana sahaja dengan mudah menyebabkan pelajar lebih terdedah kepada pengaruh luar secara tidak terkawal seperti budaya hedonisme dan aktiviti melepak semasa ataupun selepas waktu persekolahan berbanding di luar bandar. Rentetan itu, faktor ini secara tidak langsung dapat menyebabkan pelajar lebih terdedah dengan ruang sosial secara terbuka dan tanpa batasan yang mengakibatkan mereka tersasar dengan lebih jauh daripada matlamat utama mereka dalam pelajaran. Faktor geografi bandar bukan hanya mencabar dari aspek tingkah laku disiplin pelajar

malah boleh mengakibatkan gejala sosial pelajar seperti ponteng kelas, melakukan aktiviti melepak dan tidak hadir ke sekolah. Dapatan kajian Azizi dan Fauziah (2008) membuktikan bahawa faktor persekitaran menyumbang kepada berlakunya perlakuan agresif pelajar yang paling dominan iaitu di bandar.

4.2.2. Hilang Minat Belajar

Menurut hasil temubual yang dijalankan, faktor sikap individu itu sendiri yang cenderung mempengaruhi tingkah laku pelajar seperti hilang minat belajar. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat kes pelajar yang tidak mempunyai minat dalam pembelajaran karena mereka tidak mempunyai matlamat pendidikan yang jelas.

“Tak minat belajar sebab awak akan tengok trend budak sekarang dia kalau sekolah ni budak yang tak jelas masa depan lah senang cerita kan, yang tak nampak misi dia nak apa tu aaa dia akan cuma target dia LMS iaitu dia layak mendapat sijil SPM. so paper apa? BM dan Sejarah lah. So itu lah, kadang-kadang budak macam tu, dia datang sekolah untuk betul - betul exam BM exam Sejarah, paper lain semua tak datang.” [GPI]

Hal ini menunjukkan bahawa mereka hanya ingin memperoleh untuk lulus yang minimum iaitu sekadar hanya layak untuk mendapatkan sijil dan memberi perhatian kepada subjek-subjek teras untuk lulus seperti Bahasa Melayu dan Sejarah. Salah satu aspek psikologi yang dapat membantu manusia dalam mencapai tujuan adalah minat. Oleh itu, seseorang yang mempunyai minat terhadap sesuatu sudah pasti akan memberikan perhatian kepada aspek tersebut. Minat dan motivasi sangat berkait rapat seperti yang dinyatakan dalam kajian Dayang dan Muhd Izwan (2021) kurangnya motivasi dalaman (intrinsik) menyebabkan pelajar tidak mampu untuk menjumpai tujuan dalam belajar yang membuatkan mereka hilang minat dalam belajar. Kajian Alhaadi dan Norimah (2019) menyatakan bahawa motivasi merupakan penggerak kepada keinginan untuk berjaya dalam mencapai sesuatu matlamat. Berdasarkan dapatan kajian tersebut, pelajar-pelajar yang hadir ke sekolah lebih cenderung untuk memfokuskan kepada subjek-subjek tertentu sahaja semata-mata hanya untuk mendapatkan sijil semasa peperiksaan berlangsung dan terus mengabaikan mata pelajaran yang lain. Keadaan ini menunjukkan tahap motivasi akademik pelajar yang rendah dan komitmen mereka terhadap proses pembelajaran secara holistik.

4.2.3. Kekangan Ekonomi

Faktor kekangan ekonomi merupakan salah satu punca berlakunya masalah psikososial dalam kalangan pelajar. Menurut informan, pelajar yang mempunyai latar belakang keluarga berpendapatan yang rendah iaitu B40 lebih cenderung untuk menghadapi masalah psikososial.

“...kehendak tidak dapat dipenuhi... sebab keluarga tidak mampu... diberikan kebebasan yang akan menyebabkan ada yang melawan mak ayah.” [GPI]

“perceraian ibu bapa, kemiskinan, tambahan pula, saya di kota damansara, area seksyen 4 tu adalah rumah flat.. Jadi banyak berlaku pengabaian keluarga, kemiskinan.. Jadi, masalah keluarga dengan pengurusan emosi lah yang menjadi bentuk masalah psikososial yang utama kalau di sekolah.” [GPI]

Menurut informan, kemiskinan dalam keluarga menjadi pencetus berlakunya masalah ini kerana keluarga tidak dapat memenuhi kehendak mereka. Apabila kehendak mereka tidak dapat ditunaikan kerana kekangan ekonomi akan bermulalah perasaan kecewa dalam diri pelajar. Kajian Awien dan Suraiya (2023) menyatakan bahawa perbezaan latar belakang sosioekonomi keluarga mempengaruhi tahap tekanan kerana sangat berkaitan dengan kecukupan sumber kewangan keluarga. Dalam aspek ini, kekangan ekonomi bukan hanya memberikan impak dari segi fizikal dalam kehidupan keluarga tetapi juga memberikan kesan terhadap perubahan tingkah laku dan juga kestabilan emosi pelajar melawan ibu bapa mereka tanpa rasa bersalah.

Bukan itu sahaja, kekangan ekonomi dalam keluarga juga mendorong pelajar untuk memilih untuk bekerja agar mendapatkan pendapatan sendiri untuk menyara kehidupan mereka serta untuk memenuhi kehendak yang mereka inginkan akibat pengaruh daripada kawan mengikut trend kini. Justru, apabila pelajar telah memilih untuk bekerja sudah pastinya akan menjejaskan kehadiran mereka ke sekolah dan juga prestasi serta pencapaian akademik mereka. Hal ini juga akan mengakibatkan pertelingkahan antara ibu bapa dan anak mereka apabila mereka akan pulang lewat malam setelah bekerja dan mengakibatkan kepenatan dan keletihan kepada mereka sehinggakan mereka akan ponteng atau tidak hadir ke sekolah pada keesokan harinya. Dapatan ini selari dengan kajian Noraznida (2021) menyatakan bahawa gangguan konsentrasi pelajar terhadap pembelajaran adalah disebabkan oleh tekanan kewangan dengan melakukan pekerjaan sambil bagi mendapatkan duit. Dalam situasi yang lebih mencabar, pelajar yang menghadapi masalah disiplin seperti ponteng kelas, tidur dalam kelas, tidak memberikan komitmen dalam pembelajaran adalah disebabkan tekanan kewangan yang mendorong mereka memilih untuk bekerja. Tekanan kewangan sangat mempengaruhi kesejahteraan emosi individu sebagaimana dalam kajian Falconier dan Epstein (2011).

4.2.4. Masalah keluarga

Kurang perhatian daripada ibu bapa dan juga mempunyai masalah keluarga juga merupakan salah satu faktor pelajar terlibat dengan isu gangguan seksual dalam kalangan pelajar. Hal ini kerana keluarga adalah pengaruh yang dominan dalam jiwa dan kehidupan pada usia remaja. Pelajar yang mempunyai masalah keluarga seperti kekurangan perhatian, kasih sayang atau berdepan dengan ibu bapa yang mempunyai masalah rumah tangga cenderung untuk melampiaskan perasaan dan tekanan kepada anak mereka dengan perbuatan yang salah (Zainuddin & Norazmah, 2011). Telah dinyatakan menerusi temubual yang telah dijalankan bersama informan bahawa faktor terjadinya masalah sosial dalam kalangan pelajar bermula daripada keluarga mereka sendiri yang mengundang permasalahan ini berlaku dengan pesat.

“Kalau masalah keluarga ni contohnya perceraian ibu bapa ataupun pergaduhan berterusan dalam rumah tangga ataupun ibu bapa ni terlalu sibuk bekerja kan jadi dia kurang memberi perhatian.” [GPI]

“Okey, antara kes yang berlaku adalah aaa bunuh diri ni memang daripada masalah keluarga lah ataupun aaa memang keluarga lah.” [GPI]

“Sebenarnya kalau mungkin awak terkejut kut dalam sekolah.. berlaku tekanan di rumah, murid-murid ni dia akan lagi selesa berada di sekolah.” [GPI]

Tanpa sokongan emosi dan rohani yang kukuh dalam keluarga, remaja akan lebih mudah untuk membabitkan diri dalam kesalahan tingkah laku yang negatif. Kegagalan ibu bapa dalam mendidik anak akan mengakibatkan mereka untuk mudah terjebak dengan gejala sosial dan pembentukan moral dan diri yang salah (Rohayati, 2004). Banyak kajian yang membuktikan bahawa keretakan hubungan bersama ahli keluarga dapat mengakibatkan tingkah laku yang buruk kepada diri pelajar. Keharmonian dalam perhubungan sesama ahli keluarga adalah sukar untuk dikekalkan pada suatu tempoh masa yang lama. Kesibukan dalam mencari wang pendapatan akan merosakkan hubungan sesama keluarga yang akan mengakibatkan munculnya pelbagai masalah. Ahli keluarga yang mengutamakan materialistik berbanding hubungan kekeluargaan akan menjejaskan keharmonian sesama ahli keluarga (Selvaratnam et al, 2010). Hal ini kerana kebanyakan masa mereka yang sepatutnya digunakan bersama anak mereka semakin berkurangan akibat daripada keperluan untuk bekerja melebihi had masa bagi menyara keluarga.

“Kalau masalah keluarga ni contohnya perceraian ibu bapa ataupun pergaduhan berterusan dalam rumah tangga ataupun ibu bapa ni terlalu sibuk bekerja kan jadi dia kurang memberi perhatian.” [Kaunselor]

Jadi apabila anak merasa terabai oleh ibu bapa, mereka mula untuk menunjukkan tingkah laku yang negatif dan suka untuk memberontak dan secara tidak langsung itulah cara untuk mengambil perhatian ibubapa dengan melakukan perkara yang boleh mencederakan diri ataupun dengan idea untuk membunuh diri supaya terlepas daripada segala masalah. Oleh itu, kebanyakan remaja yang bermasalah adalah berpunca daripada persekitaran keluarga yang kucar-kacir dan tidak bahagia.

4.2.5. Pengaruh Media Sosial

Kemudahan teknologi telekomunikasi dan perhubungan pada era ini menjadikan media sosial sebagai salah satu platform untuk masyarakat berhubung dengan mudah. Penggunaan media sosial mampu memudahkan masyarakat untuk berkongsi pengetahuan, gambar, video, berbual, menerima dan juga menyebarkan maklumat dengan menarik (Thelwall et.al, 2012). Kepelbagaian fungsi dan akses kemudahan di media sosial menjadi salah satu tarikan masyarakat untuk menggunakan kemudahan ini dalam kehidupan seharian. Di sebalik keseronokan dalam mengakses kemudahan ini, terdapat cabaran kepada pengguna iaitu akan terdedah kepada konten yang tidak berasas seperti trend *barcode* iaitu idea mencederakan tangan.

“Sebab dia terpengaruh juga. Terpengaruh daripada media sosial ni.” [Kaunselor]

Ketagihan yang melampau pelajar pada masa kini terhadap media sosial mendorong kepada pembentukan tingkah laku dan kepribadian yang buruk sekiranya tidak dimanfaatkan kelebihan media sosial dengan sebaiknya. Hal ini menunjukkan impak yang negatif kepada para pelajar apabila mengakses bahan-bahan dan maklumat ini secara tidak terkawal dan terdedah dengan video yang tidak sepatutnya di media sosial. Penggunaan media sosial tanpa bimbingan dan pemantauan yang ketat oleh ibu bapa menjadikan pelajar mudah terpengaruh dan melazimi perbuatan tersebut tanpa rasa bersalah. Informan menjelaskan bahawa pengaruh media sosial dan juga perkembangan teknologi menyebabkan pelajar mempunyai idea dalam mencederakan diri yang dikenali sebagai trend *“barcode”* kononnya sebagai suatu terapi untuk memuaskan diri dan menghilangkan tekanan serta depresi dengan menggores lengan mereka dengan corak yang tertentu. Penggunaan media sosial juga menjadikan individu lebih cenderung kepada gejala negatif yang boleh merosakkan akidah dan akhlak (Muhammad Aidil & Intan Suria, 2023).

Masalah ini dilihat sebagai salah satu bentuk kesalahpahaman *“coping mechanism”* dalam kalangan pelajar. Kecenderungan ini dilihat semakin terkenal impak daripada peniruan konten media sosial yang salah. Informan menegaskan bahawa pelajar zaman

kini yang merupakan generasi "Alpha" yang disebutkan sebagai "fragile" iaitu sangat mudah tersinggung jika ditegur dan mudah terasa secara afektif mereka. Hal ini menjadikan mereka tidak mengetahui cara dalam menguruskan emosi dengan betul malah hanya meniru dengan apa yang dilihat dalam media sosial. Kajian oleh Abderrahman et. al. (2023) membuktikan bahawa kandungan yang ditonton di dalam media sosial mengenai kandungan dalam mencederakan diri dapat meningkatkan risiko perubahan tingkah laku yang negatif dalam kalangan remaja terutamanya mereka yang mengalami tekanan dan gangguan emosi dalam diri.

4.3. Peranan Guru Pendidikan Islam dan Guru Pembimbing Dalam Menangani Masalah Psikososial

4.3.1. Pendekatan Berhikmah

Guru Pendidikan Islam (GPI) pada harini dilihat berperanan penting bukan sahaja dalam membimbing murid untuk menguasai ilmu agama tetapi juga memikul tanggungjawab dalam membentuk kesejahteraan dari sudut perkembangan rohani, akhlak dan sosial agar keseimbangan holistik dalam diri murid dapat diterapkan serta mampu mendepani cabaran psikososial yang semakin meluas. Demikian itu, pendekatan berhikmah menjadi antara komponen penting yang digunakan dalam mendekati pelajar khususnya bagi kalangan pelajar yang mempunyai masalah sosial dan akademik. Informan kami sendiri telah menggunakan pendekatan pengajaran yang lebih bersifat santai dan mesra terhadap pelajarannya ketika mengajar,

"Bahasa kami ni dengan kelompok diaorang ni memang aku engkau je. Aaa sebab bahasa yang dia... itu lebih rapat, itu lebih mudah untuk kita" [GPI]

"Kalau budak kelas belakang ni, dia jangan sebut fakta sangat tak masuk otak pun. Dia tak boleh benda-benda fakta ni. Kau kena bagi benda real, cakap, sembang santai". [GPI]

Kedua-dua kenyataan ini jelas memaparkan bahawa penyesuaian pendekatan komunikasi terhadap murid dengan mengikut tahap latar belakang murid sedikit sebanyak membantu mewujudkan suasana penerimaan yang lebih mesra dan efektif oleh murid terhadap gurunya. Menurut kajian lepas oleh Saidatul Nadhirah dan Mohd Isa Hamzah (2020), interaksi mesra dan interpersonal yang positif antara guru dan pelajar dapat menyumbang ke arah hubungan positif yang menyebabkan pelajar lebih selesa dan mendengar kata. Hal ini demikian kerana pelajar akan berasa lebih dekat bersama guru supaya mudah untuk mereka berkomunikasi dan sekaligus murid akan terinspirasi dan mudah dibimbing, dinasihati dan didorong oleh guru ke arah kebaikan. Rentetan itu, informan kaunselor juga memberikan contoh pendekatan yang lebih bersifat psikomotor dalam mendekati diri bersama-sama pelajar adalah menerusi amalan guru penyayang.

"Kiranya guru-guru terutamanya kalau di sekolah kami GBK dan guru disiplin ab sangat mengalu-alukan kehadiran murid ke sekolah berada di pintu pagar." – [Kaunselor]

Kenyataan ini jelas memaparkan bentuk tindakan guru yang bersifat "welcoming approach" menjadi asas dalam membina suasana mesra antara guru dan pelajar. Oleh hal demikian dapat dilihat bahawa pelbagai pendekatan dan kaedah digunakan dalam membentuk hubungan yang sihat antara guru dan pelajar agar kehidupan di sekolah dapat dihidupkan dalam keadaan berkasih sayang dan terpelihara. Disebutkan juga di dalam kajian Mohd Saiful Samsudin dan Wan Shahrzad Wan Sulaiman (2020) bahawa kewujudan hubungan positif antara guru dan pelajar akan menimbulkan rasa hormat, selesa untuk belajar dan seterusnya akan menghadirkan rasa minat terhadap pengajaran yang disampaikan. Rentetan itu, situasi tersebut akan meningkatkan komitmen dan motivasi murid dalam memperbaiki diri dari sudut akademik, tingkah laku mahupun sosial.

4.3.2. Rujukan ke Saluran Sesuai

Kepelbagaian kes-kes psikososial yang dilihat semakin kompleks memerlukan peranan guru termasuk GPI dalam menangani kes-kes tersebut dengan bertindak sebagai penghubung awal yang utama dalam menjadi sistem sokongan di sekolah. Hal ini telah dikemukakan oleh pihak informan seperti

"Start tu kita dah mula, kalau benda tu kritikal kita kena panjangkan sikit lab ke bilik disiplin ke, ke kaunselor ke, bah macam tu lah. Selagi mana boleh settle dalam sekolah kan." [GPI]

Menurut kenyataan tersebut jelas menunjukkan bahawa guru sewajarnya memiliki kepekaan awal terhadap masalah murid dan seharusnya bertindak untuk menyalurkan murid tersebut kepada unit-unit yang bertanggungjawab seperti kaunselor, guru disiplin mahupun pentadbir sekolah. Peranan ini disokong melalui kajian Siti Rubiyani et al. (2020), yang menerangkan bahawa guru bertindak sebagai ejen penting dalam sistem intervensi awal bagi pelajar bermasalah kerana guru merupakan individu yang mengenali perubahan tingkah laku pelajar secara harian. Selaras dengan itu, dapat dilihat bahawa pentingnya sistem "school based psychosocial support" agar dapat menjadi platform awal yang mampu mencegah, membantu dan membimbing pelajar yang mengalami masalah psikososial yang serius.

4.3.3. Pembudayaan nilai agama

Pembentukan kesedaran dari sudut praktikal dan spiritual pelajar dapat direalisasikan melalui amalan pembudayaan nilai agama yang dilakukan secara konsisten. Hal ini dijelaskan sendiri oleh pihak informan yang menyatakan:

“Contoh ada kita kena baca surah Al-Kahfi 1 sehingga 10, ada kena baca 10 pangkal ayat Al-Kahfi. Kita kena bawak dengan budak, kenapa sebenarnya kau kena baca benda ni? kenapa ka kena hafal? Bukan sebab silibus semata-mata.” [GPI]

Pernyataan tersebut menjelaskan bahawa pentingnya penanaman sifat mengaplikasi ilmu pengajian seperti ayat suci al-Quran dalam kehidupan seharian dan bukan hanya sekadar hafalan wajib bagi silibus akademik. Terdapat juga kajian oleh Syukri et al., (2023) yang menerangkan bahawa pembudayaan nilai murni ajaran agama Islam melalui pembacaan, hafazan dan amalan harian mampu memperkukuhkan akidah sekaligus memandu perubahan akhlak atau tingkah laku pelajar ke arah kebaikan dan seterusnya menjadi kebiasaannya dalam rutin kehidupan seharian.

Perkara ini juga selari dengan kajian yang dijalankan oleh Tengku Sarina Aini et al. (2021). Mereka mendapati bahawa apabila GPI mengintegrasikan pengalaman kehidupan sebenar atau pendekatan kontekstual dalam sesi pengajaran mampu melahirkan harmoni dalaman dalam diri pelajar. Dari perspektif Islam, integrasi antara aspek spiritual-moral dan kehidupan material ini menjadi tunjang utama kepada kesihatan mental serta kestabilan emosi pelajar. Oleh itu, pendekatan yang menyentuh dimensi keimanan secara praktikal ini sangat kritikal bagi membantu pelajar sekolah menengah mengurus tekanan emosi dengan lebih efektif seterusnya mengelakkan mereka daripada terjerumus ke dalam masalah psikososial yang lebih serius seperti kemurungan atau kecenderungan mencederakan diri. Bukan itu sahaja, informan turut menambah satu lagi pendekatan yang sering diamalkan di sekolah iaitu melalui aktiviti pembacaan surah yassin setiap minggu.

“Bila ada bacaan yassin tu memang kita ajar budak ok semua yang ada air tu bukak air dan lepas baca tupek dalam air tu apa niat awak. So, kita cerita lah apa kebaikan molekul air yang telah dibacakan dengan ayat-ayat Allah, lepastu apa kesan dia kepada rohani. Benda tu ialah benda yang kita add on dan luar daripada silibus”. – [GPI]

Kenyataan berikut jelas memaparkan bahawa bacaan surah tersebut bukan sekadar dijadikan rutin namun demikian dikaitkan dengan amalan spiritual yang berasaskan kepercayaan bahawa ayat-ayat Allah membawa keberkatan dan kesembuhan (syifa') kepada penyakit luaran malah penyakit jiwa iaitu dalaman. Hal ini juga mampu menggalakkan pelajar untuk membina penghayatan dan keyakinan rohani dalam mencapai ketenangan emosi sekaligus menguatkan hubungan dan kebergantungan mereka kepada Allah SWT (Eman Ghanem & Muhammad Nubli Abdul Wahab, 2018).

4.3.4. Program Minda Sihat

Pihak sekolah mengambil peranan yang baik dengan memperkenalkan pelbagai program intervensi awal yang sistematik seperti Program Minda Sihat sebagai langkah awal dalam mengenal pasti pelajar yang menghadapi tekanan emosi dan masalah mental. Berdasarkan ungkapan informan yang menjelaskan,

“Kalau di sekolah juga, guru bimbingan dan kaunseling ni akan melaksanakan minda sihat. Minda sihat kalau awak tahu emm, ujian minda sihat ni dia terbahagi kepada PHQ9 dan G87.” [Kaunselor]

Kenyataan berikut adalah berkenaan PHQ-9 bagi mengenal pasti kemurungan dan GAD-7 bagi kebimbangan. Program sebegini adalah menjadi kaedah awal yang digunakan bagi mengelaskan tahap kesihatan mental dan emosi pelajar. Menurut kajian Haziq Azree Yazid dan Fauziah Mohd Sa'ad (2024), mereka mengesahkan bahawa kedua-dua penilaian tersebut terbukti mempunyai ketepatan diagnostik yang tinggi. Tambahan lagi, pihak informan turut mempericikan gerakan yang turut dilaksanakan hasil kerjasama bersama pihak sekolah iaitu:

“Kami akan buat borang soal selidik masalah murid. Jadi, dari situ dia ada beberapa bahagian lah.. Bahagian rakan sebaya, bahagian keluarga, bahagian pembelajaran di sekolah ataupun masalah dengan guru.” [Kaunselor]

Pendekatan sebegini juga adalah selari seperti sasaran yang dikemukakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Panduan Pelaksanaan Program Minda Sihat 2023 dengan mengadakan soal selidik merangkumi aspek sosial, emosi, keluarga serta akademik sebagai asas intervensi sekolah dalam menangani masalah psikososial dalam kalangan pelajar. Menurut Tengku Amatullah et al. (2023), hal ini dapat direalisasikan dengan kerjasama kukuh daripada keseluruhan pihak sekolah, komuniti luar seperti NGO dan klinik psikologi.

5. PERBINCANGAN

Dapatan menunjukkan berlakunya pelbagai bentuk masalah psikososial dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Hasil penelitian, pengkaji melihat punca berlakunya masalah ini dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu kategori dalaman dan luaran. Masalah disiplin yang berlaku dalam kalangan pelajar sekolah seperti ponteng sekolah, tidur dalam kelas dan hilang minat belajar dilihat berpunca daripada faktor dalaman seperti kekangan ekonomi dan masalah keluarga. Hal ini bertepatan dengan kajian lepas oleh Latiff et al. (2017) menyatakan faktor sosioekonomi dan kekeluargaan memberikan tekanan kepada pelajar. Tambahan, hilang minat belajar menyebabkan pelajar hanya hadir ke sekolah untuk mempelajari subjek tertentu seperti Bahasa Melayu dan Sejarah supaya pelajar ini dapat melepasi syarat minimum bagi mendapatkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Perkara ini selari dengan kajian Jovčić dan Simić (2024) yang menyatakan bahawa pelajar yang mengalami “*school burnout*” berpunca daripada tekanan emosi. Dari segi faktor luaran pula, faktor geografi menyebabkan pelajar mudah terdedah terhadap aktiviti yang tidak baik seperti yang dinyatakan oleh informan.

Kesedaran sendiri dalam kalangan pelajar perlu dikuatkan lagi melalui pembentukan akhlak dan penerapan nilai-nilai Islam supaya pelajar dapat berpegang teguh terhadap prinsip-prinsip moral walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan persekitaran (Salmah S Hassan et al., 2025). Perkara ini sejajar dengan pandangan Al-Ghazali di mana proses pendidikan perlu bermula dengan pembersihan jiwa iaitu tazkiyah al-nafs yang bererti membersihkan jiwa dari sifat-sifat buruk dan memperkaya jiwa dengan sifat-sifat mulia serta tahzib al-akhlak (Kasori Mujahid & Farid Al Fani, 2025). Beliau berpendapat jiwa seseorang individu itu sendiri berperanan sebagai penentu kepada perkembangan individu dalam kehidupan. Oleh sebab itu, para pelajar perlulah dibentuk dengan prinsip-prinsip Islam supaya dapat menjadi benteng kepada perkara yang tidak baik.

Dapatan kajian juga mendapati kegagalan pengurusan emosi mendorong pelajar melakukan tindakan yang ekstrem seperti melukai diri sendiri, pemikiran bunuh diri dan mengelar tangan sendiri. Contohnya, trend “*barcode*” yang mengelar tangan sendiri berleluasa dalam kalangan pelajar sekolah seperti yang dinyatakan oleh informan. Hal ini menunjukkan salah faham pelajar terhadap mekanisme penyesuaian “*coping mechanism*” yang tidak sihat disebabkan oleh terdedah dengan media sosial secara tidak terkawal dan kekurangan sokongan emosi daripada ahli keluarga. Hal ini bertepatan dengan kajian Mestre-Bach et al. (2025) di mana kesunyian menyebabkan penggunaan teknologi yang berlebihan sehingga menyebabkan pelajar mudah terpengaruh. Perkara ini turut disokong oleh kajian Lut et al. (2024) yang menyatakan penggunaan telefon pintar secara berlebihan dapat meningkatkan risiko tekanan dan kesunyian.

Selain itu, dapatan kajian ini mendapati bahawa penceraian, pengabaian dan status anak adalah masalah keluarga yang sering mempengaruhi kestabilan emosi pelajar. Pernyataan ini dipetik daripada informan yang menyatakan idea bunuh diri berpunca daripada masalah keluarga. Kajian Nkuba et al (2019) menunjukkan penderaan emosi dan fizikal oleh ibu bapa menyumbang kepada tingkah laku devian. Oleh hal yang demikian, ketiadaan sokongan keluarga akan memberi kesan kepada tindakan luar kawalan untuk mencari jalan keluar seperti menyendiri atau menyakiti diri. Dalam hal ini, guru pendidikan Islam boleh memainkan peranan untuk mendengar permasalahan pelajar dan menasihati pelajar secara berhikmah untuk membimbing pelajar membina mekanisme penyesuaian sendiri yang positif dengan menerapkan nilai-nilai Islam dan pendekatan rohani. Perkara ini bertepatan dengan Ibnu Sahnun di mana pendekatannya menekankan kepentingan persekitaran pembelajaran yang menyokong serta mampu memupuk perkembangan etika dan intelektual secara serentak (Muhammad Rafli Umam & Nurul Latifatul Inayati, 2023). Perkara ini turut disokong oleh Bandura (1977) melalui teori sosial kognitif di mana persekitaraan dapat mempengaruhi pembentukan akhlak pelajar.

Peranan Guru Pendidikan Islam (GPI) bukan sahaja sekadar menyelesaikan silibus tetapi GPI turut berperanan penting dalam menangani masalah psikososial pelajar. Sejajar dengan pandangan Al-Qabisi, guru tidak hanya menekankan aspek pengetahuan semata-mata, malah mementingkan penerapan nilai-nilai moral yang baik dalam diri pelajar. Hal ini membuktikan bahawa guru bukan sahaja berperanan sebagai pendidik atau penyampai ilmu sahaja, tetapi juga merupakan model teladan dalam membentuk akhlak pelajar. Pendekatan yang bersesuaian dalam membantu pelajar boleh meningkatkan keyakinan pelajar untuk berkongsi masalah bersama GPI. Pendekatan secara berhikmah, bahasa yang santai dan interaksi mesra mewujudkan keselesaan antara GPI dan pelajar. Hal ini dapat memberi ruang kepada GPI untuk menerapkan nilai-nilai Islam semasa memberi nasihat kepada pelajar. Perkara ini bersesuaian dengan kajian Sherif et al. (2023) di mana modul kemahiran hidup berasaskan nilai dan spiritual boleh menjadi intervensi yang efektif.

Bagi mendepani kepelbagaian kes psikososial yang semakin kompleks, tindakan GPI merujuk pelajar bermasalah kepada saluran yang sesuai bukanlah satu bentuk pelepasan tanggungjawab, sebaliknya ia melibatkan satu proses sokongan yang komprehensif merangkumi tiga fasa utama iaitu sebelum, semasa dan selepas proses rujukan. Pada fasa sebelum rujukan, GPI berfungsi sebagai ejen pengesan awal yang peka terhadap masalah pelajar di dalam kelas. Melalui komunikasi yang santai, persekitaran yang selamat berjaya diwujudkan bagi membolehkan pelajar merasa selesa meluahkan faktor masalah mereka. Seterusnya, pada fasa semasa rujukan, GPI bertindak sebagai jambatan maklumat. Apabila kes dinilai pada tahap kritikal dan dirujuk kepada Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) atau guru disiplin, GPI secara proaktif menyalurkan maklumat latar belakang kontekstual pelajar seperti

isu kemiskinan atau konflik keluarga. Penyaluran maklumat ini sangat kritikal bagi membantu pihak kaunselor membuat penilaian kesihatan mental secara menyeluruh melalui Program Minda Sihat.

Tanggungjawab GPI turut berterusan pada fasa selepas rujukan melalui pelaksanaan terapi spiritual dan pemantauan di dalam bilik darjah. Sambil pelajar menerima intervensi psikologi, GPI berperanan untuk menawarkan intervensi alternatif melalui pembudayaan nilai agama seperti mengaplikasikan elemen daya tindak spiritual dalam menawarkan rutin seharian. Aktiviti kerohanian seperti penghayatan 10 pangkal ayat Surah Al-Kahfi dan pembacaan Surah Yassin bersama niat kesembuhan melalui air digunakan sebagai terapi untuk merawat aspek *al-Qalb* (hati) pelajar secara berpanjangan bagi melengkapkan intervensi kaunselor. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa tindakan merujuk pelajar adalah sebahagian daripada strategi intervensi bersepadu di mana GPI bertindak secara sinergi bersama pihak sekolah. Secara keseluruhannya, hubungkait yang kompleks antara faktor penyumbang, manifestasi tingkah laku pelajar dan peranan GPI dalam menangani isu psikososial ini diringkaskan secara visual dalam Rajah 1.

6. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati terdapat pelbagai jenis masalah psikososial yang kompleks berlaku dalam kalangan pelajar di sekolah, seperti masalah disiplin tingkah laku, masalah pengurusan emosi dan masalah yang berpunca daripada keluarga. Masalah-masalah ini berpunca daripada faktor seperti kekangan ekonomi, pengaruh media sosial, faktor geografi, masalah keluarga dan hilang minat belajar. Dalam menangani cabaran ini, Guru Pendidikan Islam (GPI) dilihat berpotensi dalam membantu dan membimbing pelajar. GPI bukan hanya sekadar menyampaikan ilmu semata-mata tetapi turut menjadi pembimbing rohani dan pembentuk sahsiah pelajar sesuai dengan saranan daripada tokoh-tokoh Islam seperti Imam al-Ghazali, Ibnu Sahnun dan al-Qabisi. Pendekatan yang berhikmah, pembudayaan nilai agama, pelaksanaan program minda sihat dan rujukan ke saluran yang sesuai dapat menangani masalah psikososial dengan lebih holistik. Oleh hal yang demikian, GPI perlu diperkasakan melalui latihan profesional yang merangkumi aspek psikologi pelajar, penerapan nilai Islam dalam intervensi sosial dan kemahiran komunikasi berkesan. Dengan cara ini, GPI dapat berperanan lebih aktif dalam membentuk pelajar yang seimbang dari segi emosi, intelek dan rohani.

Research and Publication Ethics Statement

Kajian ini merupakan satu kajian kes yang melibatkan proses pengumpulan data daripada informan. Sumber atau rujukan dalam kajian ini diperolehi secara sah melalui pangkalan data akademik, dan tiada maklumat peribadi daripada mana-mana pihak digunakan. Kajian ini juga mematuhi etika penyelidikan dan piawaian penerbitan akademik, termasuk kejujuran serta pengiktirafan yang sewajarnya kepada penulis asal.

Contribution Rates of Authors to the Article

Semua penulis memberi sumbangan dalam penulisan artikel ini.

Acknowledgement

Barisan penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Guru Pendidikan Islam (GPI) dan kaunselor sekolah yang terlibat kerana sudi meluangkan masa serta memberikan kerjasama yang amat baik sepanjang sesi temu bual dijalankan. Perkongsian maklumat dan pengalaman mereka amat berharga dalam menjayakan kajian kes ini.

Statement of Interest

Kesemua penulis dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan sama ada dari segi kewangan, peribadi mahupun profesional yang berpotensi mempengaruhi proses pelaksanaan penyelidikan dan penulisan artikel ini.

REFERENCES

- Abderrahman M Khalaf, Abdullah A Alubied, Ahmed M Khalaf & Abdallah A Rifaey. (2023). The Impact of Social Media on the Mental Health of Adolescents and Young Adults: A Systematic Review. *Cureus*, 15(8), e42990. <https://doi.org/10.7759/cureus.42990>.
- Abdullah, N., Ali, R., & Nordin, N. (2018). Faktor penyumbang kepada masalah disiplin pelajar sekolah menengah. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(1), 50-59.
- Al-Ghazali. (1994). *Ihya' 'Ulum al-Din* (Terj. H. Zainuddin). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Alhaadi Ismail & Norimah Zakaria. (2019). Faktor Yang Mempengaruhi Motivasi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid di SJKC Chong Hwa Teluk Kemang. *International Journal Of The Malay World and Civilisation*, 7 (3), 23-30
- Alsubaie, S. (2023). Psychosocial life aspects among substance misuse clients who are at rehabilitation phase: A narrative review. *Health Psychology Research*, 11(1). <https://doi.org/10.52965/001c.66174>
- American Psychiatric Association. (2013). *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders* (5th ed.). Arlington, VA: American Psychiatric Publishing.
- Awien Azuyien Jamri & Suraiya Ishak, (2023). Tekanan Kewangan Dan Pengurusan Tekanan Kewangan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Berasaskan Status Sosioekonomi. *e-BANGI Journal*, 20(4). <http://journalarticle.ukm.my/23046/1/658662252441PB.pdf>
- Azizi Yahaya & Fauziah Idris. (2008). Persepsi Pelajar Terhadap Perilaku Agresif yang berlaku di Lima Buah Sekolah di Kawasan Bandar Johor Bahru [Unpublished master's thesis]. Universiti Teknologi Malaysia Skudai.
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli & Vinothini Krishnan. (2011). Perkaitan antara gejala ponteng sekolah, kelas dan kokurikulum dengan pencapaian akademik pelajar di sebuah sekolah menengah daerah skudai, johor bahru. *Sains Humanika*, 54(1). <https://doi.org/10.11113/sh.v54n1.242>
- Baetens, I., Claes, L., Onghena, P., Grietens, H., Leeuwen, K. Van, Pieters, C., & Grif, J. W. (2014). Non-suicidal self-injury in adolescence: A longitudinal study of the relationship between NSSI, *Psychological Distress and Perceived Parenting*, 37, 817–826.
- Bhattarai, D., Shrestha, N., & Paudel, S. (2020). Prevalence and factors associated with depression among higher secondary school adolescents of Pokhara Metropolitan, Nepal: A cross-sectional study. *BMJ Open*, 10(12), e044042. <https://doi.org/10.1136/bmjopen-2020-044042>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa> en.wikipedia.org+2en.wikipedia.org+2researchgate.net+2
- Dayang Abang Tar & Muhd Izwan Mahmud. (2021). Minat, Tingkah Laku Disruptif Dan Gaya Pembelajaran Murid Bermasalah Pembelajaran Di Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 49-64.
- Ellis, L., Farrington, D. P., & Hoskin, A. W. (2019). *Handbook of crime correlates* (pp. 1–730). <https://doi.org/10.1016/C2015-0-01432-0>
- Falconier, M. K., & Epstein, N. B. (2011). Couples experiencing financial strain: What we know and what we can do. *Family Relations: An Interdisciplinary Journal of Applied Family Studies*, 60(3), 303–317. <https://psycnet.apa.org/doi/10.1111/j.1741-3729.2011.00650.x>
- Ghanem, E., & Wahab, M. N. A. (2018). Effects of Quran Recitation on Heart Rate Variability as an indicator of Student Emotions. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(4), 89–102.
- Haziq Azree Yazid, & Fauziah Mohd Sa'ad,. (2024). Validity and reliability of the Patient Health Questionnaire (PHQ-9) instrument among school students. *Jurnal Pendidikan Bitara*, 17(Special Issue 2), 59–70.
- Ibrahim, N., Amit, N., & Che Din, N. (2014). Non-suicidal self-injury and suicidal behavior among adolescents: A systematic review. *International Journal of Adolescent Medicine and Health*, 26(2), 181-190.
- Ismail, I. F., Fitriana, M., & Chuin, C. L. (2022). The relationship between loneliness, personality differences, motivation and video game addiction in the context of gacha games in F2P mobile games: A global setting. *Journal of Engineering Science and Technology*, 17, 1–12. <https://www.scopus.com/inward/record.uri?eid=2-s2.0-85149882413>
- Jalil, S. Z. A., Abdullah, A., & Salleh, M. (2015). Faktor yang mempengaruhi pelajar tidur semasa pembelajaran. *Jurnal Sains Sosial*, 22(3), 15-23.
- JOHARI, M. F., Kamsani, S. R. ., & Abdul Ghani, M. . (2022). Tingkah Laku Mencederakan Diri Sendiri dalam Kalangan Remaja: Satu Kajian Konseptual. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 25, 217–238. <https://doi.org/10.32890/jps2022.25.10>
- Jovčić, N., & Simić, N. (2024). Beyond the edge of exhaustion: Redefining the concept of school burnout syndrome through qualitative reexamination of secondary school students' experiences. *School Mental Health*, 16(2), 500–517. <https://doi.org/10.1007/s12310-024-09654-w>
- Kasori Mujahid & Farid Al Fani. (2005). Islamic worldview: Konsep jiwa menurut Imam Ghazali. *Jurnal Penelitian Guru Indonesia*, 5(2), 1435–1442. <https://doi.org/10.58578/tsaqofah.v5i2.4830>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: KPM.
- Latiffah Abdul Latiff, Esra Tajik, Normala Ibrahim, Azrin Shah Abu Bakar, & Shirin Shameema Albar Ali Shirin. (2017). Psychosocial problem and its associated factors among adolescents in the secondary schools in Pasir Gudang, Johor. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences*, 13(1), 35–44.
- Latiff, L. A., Tajik, E., Ibrahim, N., Bakar, A. S. A., & Shirin, S. S. A. A. (2017). Psychosocial problem and its associated factors among adolescents in the secondary schools in Pasir Gudang, Johor. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences*, 13(1), 35–44. <https://www.scopus.com/inward/record.uri?eid=2-s2.0-85019649036>
- Lu, X., An, X., & Chen, S. (2024). Trends and influencing factors in problematic smartphone use prevalence (2012–2022): A systematic review and meta-analysis. *Cyberpsychology, Behavior, and Social Networking*, 27(9), 616–634. <https://doi.org/10.1089/cyber.2023.0548>
- Majlis Keselamatan Negara. (2023, Julai 11). Pelajar makin terdedah gejala mental. https://www.mkn.gov.my/web/ms/2023/07/11/pelajar-makin-terdedah-gejala-mental/?utm_source=chatgpt.com

- Mestre-Bach, G., Paiva, U., San Martín Iniguez, L., Beranuy, M., Martín-Vivar, M., Mallorquí-Bagué, N., Normand, E., Contreras Chicote, M., Potenza, M. N., & Arrondo, G. (2025). The association between internet-use-disorder symptoms and loneliness: A systematic review and meta-analysis with a categorical approach. *Psychological Medicine*, 55, e77. <https://doi.org/10.1017/S0033291725000376>
- Mohamad Saiful Samsudin & Wan Shahrazad Wan Sulaiman. (2020). Hubungan Antara Tingkah Laku Interpersonal Guru, Kepuasan Kerja dan Kecenderungan Burnout Guru-Guru Tingkatan Enam di Perlis. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1-9.
- Muhammad Adil Fikri Mohd Hamizi & Intan Suria Hamzah. (2023). Penggunaan Media Sosial Sebagai Media Baharu dan Impaknya Terhadap Masyarakat Malaysia. *Jurnal Perspektif*, 15, 24-37.
- Muhammad Rafli Umam & Nurul Latifatul Inayati. (2023). The Concept of Giving Punishment Perspective Ibnu Sahnun and Its Application to The Islamic Education System In Indonesia. *el Buhuth: Borneo Journal of Islamic Studies*, 193-203. <https://journal.uinsi.ac.id/index.php/el-Buhuth/article/download/7386/2543/>
- Muhammad Syukri, Rahmad Ilahi., Riris Nurkholidah Rambe, & Istiningsih. (2023). Pembudayaan nilai ajaran agama Islam dalam membentuk karakter peserta didik di sekolah dasar. *Al-Madrasah: Jurnal Ilmiah Pendidikan Madrasah Ibtidaiyah*, 7(1). <https://doi.org/10.35931/am.v7i1.1614>
- Nkuba, M., Hermenau, K., & Hecker, T. (2019). The association of maltreatment and socially deviant behavior: Findings from a national study with adolescent students and their parents. *Mental Health and Prevention*, 13, 159–168. <https://doi.org/10.1016/j.mhp.2019.01.003>
- Nor Hasimah Ismail, Dayang Nur Amirah Awang Halifah, & Mardzelah Makhsin. (2022). Faktor masalah sosial dalam kalangan pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(46), 674–685. <https://doi.org/10.35631/ijepc.746051>
- Noraznida Husin. (2021). Status kewangan dan tekanan dalam kalangan pelajar. Proceeding of The 8th International Conference on Management and Muamalah 2021, 405-415.
- Nosiah Abd Wahab. (2014). Faktor-faktor yang mempengaruhi masalah ponteng di Sekolah Menengah Daerah Segamat [Unpublished master's thesis]. Universiti Teknologi Malaysia
- Nurhaiza Che Mat. (2021). Intervensi kaunseling menangani kekerapan murid mencederakan diri sendiri kerana stres semasa tempoh Covid-19. Kolokium Penyelidikan Kajian Tindakan 2021 Pengurusan dan Kepimpinan Norma Baharu. Institut Aminuddin Baki Cawangan Genting Highland, 21-22 April.
- Polak, N., & Grossman, E. S. (2024). Exploring psychological distress among individuals with specific learning disabilities: The impact of age, gender, and disability type. *Disabilities*, 4(4), 1044–1064. <https://doi.org/10.3390/disabilities4040065>
- Rohayati Derani (2004). Persepsi Ibu Bapa Terhadap Faktor-Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Masa Kini: Satu Tinjauan Di Taman Aman Anak Bukit, Alor Setar Kedah. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Rokach, A., & Patel, K. (2021). Human sexuality: Function, dysfunction, paraphilias, and relationships (pp. 1–415). <https://doi.org/10.1016/C2018-0-04449-7>
- Saidatul Nadhirah Jamaluddin, & Mohd Isa Hamzah. (2020, November 24–25). Komunikasi interpersonal guru dalam pengajaran dan pemudahcaraan: Peranan dan cabaran. Kertas kerja dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020), Universiti Kebangsaan Malaysia. e-ISBN: 978-967-2122-78-4
- Salmah S. Hassan, Habibah @ Artini Ramlie, Nur Ilma Ambo, Norsimah Dasan, & Dg. Hafizah Ag. Basir. (2025). Faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi penghayatan akhlak remaja di sekolah luar bandar Sabah: Tinjauan dari perspektif pendidikan Islam. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPCC)*, 10(58), 340–354. <https://doi.org/10.35631/IJEPCC.1058024>
- Sarfo, J. O., Obeng, P., Attafuah, P. Y. A., Gbordzoe, N. I., & Ofori, C. O. B. (2024). Prevalence and correlates of physical bullying behaviours (on/off-school property) among adolescents in Saint Vincent and the Grenadines. *BMC Public Health*, 24(1), 3228. <https://doi.org/10.1186/s12889-024-20732-1>
- Saunders, C. H., et al. (2023). Practical thematic analysis: a guide for multidisciplinary health services research teams engaging in qualitative analysis. *BMJ*, 381, e074256. [bmj.com](https://doi.org/10.1136/bmj-2023-074256)
- Selvaratnam, D., Nor Aini & Norlaila. (2010). Warga emas di Malaysia: Ke arah kesejahteraan ekonomi dan sosial. Bangi: Penerbit UKM.
- Sherif, Y., Azman, A. Z. F., Awang, H., Mokhtar, S. A., Mohammadzadeh, M., & Alimuddin, A. S. (2023). Effectiveness of life skills intervention on depression, anxiety and stress among children and adolescents: A systematic review. *Malaysian Journal of Medical Sciences*, 30(3), 42–59. <https://doi.org/10.21315/mjms2023.30.3.4>
- Shrestha, R., Timalisina, S., Shakya, R., Shrestha, N., Kotera, Y., Hashemy, T., & Ozaki, A. (2023). Stress and coping mechanism among students residing in private school hostels. *Mental Illness*, 6535583. <https://doi.org/10.1155/2023/6535583>
- Siti Rubiyani Omar, Noradilah Abdul Wahab, Mohd Shahril Othman, Abdullah Yusof & Raihan Arifin. (2020). Kompetensi guru pendidikan khas terhadap murid bermasalah pembelajaran: Kajian literatur. Kertas kerja dibentangkan dalam persidangan (Conference paper), Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.
- Tengku Mohd Tengku Amatullah Madeehah, Abang Abdullah Khadijah Hasanah., Zulkifli, Syara Syazana, Sanip Suhaila., & Choo, W. Y. (2023). Accessibility and challenges to mental health services for school-going children in Malaysia from stakeholders' perspectives. *Malaysian Journal of Public Health Medicine*, 23(3), 112–118.

- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Yusmini Md Yusoff & Fadillah Mansor. (2021). Membina Perwatakan Pelajar Menerusi Pembelajaran Kontekstual: Pengalaman Guru Novis Pendidikan Islam. *Islamiyyat*, 43(2), 39-52. <http://ejournal.ukm.my/islamiyyat/article/view/52120/12489>
- Thelwall, M., Sud, P., & Vis, F. (2012). Commenting on YouTube videos: From Guatemalan Rock to El Big Bang. *Journal of the American Society for Information Sciences and Technology*, 63(3), 616-629.
- Yahaya, A., Ramli, J., & Hashim, S. (2017). Pengaruh hubungan keluarga terhadap tingkah laku bermasalah pelajar sekolah menengah. *Jurnal Psikologi Pendidikan dan Kaunseling*, 7(1), 66-79.
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 1, 115-140.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. (2012). Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 155-172.